

Artikel

Masalah Fonologi Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti di China
(*Phonological Problems in Malay Language Among China University Students*)

Zaiton Zakarya^{1,2}, Salinah Ja'afar^{1*}, Mardian Shah Omar¹ & Li Wanjun²

¹Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603
Kuala Lumpur, Malaysia

²Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa dan Budaya Asia, Guangdong University of Foreign Studies,
Guangzhou, China

*Pengarang Koresponden: b1salina@um.edu.my

Diserah: 22 Julai 2024
Diterima: 02 Oktober 2024

Abstrak: Isu berkaitan masalah fonologi dalam kalangan pelajar asing kini sering diperkatakan dalam kalangan sarjana, terutamanya dengan meningkatnya permintaan untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Di negara China, kini terdapat 17 buah institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian bahasa Melayu. Artikel ini bertujuan untuk meneroka masalah yang dihadapi oleh pelajar China dalam menguasai fonologi bahasa Melayu semasa mengikuti kuliah Bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu pengumpulan data yang diperolehi dalam kuliah Bahasa Melayu pelajar tahun 1 dengan mendiskripsikan ujaran yang dilafazkan oleh pelajar. Keputusan memperlihatkan faktor yang menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh pelajar China dalam menguasai fonologi bahasa Melayu, iaitu perbezaan sistem fonologi bahasa China dan bahasa Melayu. Masalah fonologi yang kerap timbul dalam kalangan pelajar China ialah sebutan bagi huruf *r*, sengauan *ny* dan *ng*, dan perbezaan sebutan bagi huruf konsonan *b*, *p*, *k*, *g*, *t*, dan *d*. Pendedahan awal kepada sistem fonetik bahasa Melayu, penggunaan pasangan minimal dan menjalankan kaedah banding-beza boleh meningkatkan tahap pemerolehan fonologi dalam bahasa Melayu. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran tentang masalah fonologi yang kerap kali timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya dari aspek pertuturan. Dapatan kajian dan cadangan yang dibincangkan ini diharapkan dapat membantu tenaga pengajar memahami masalah yang dihadapi dan merancang aktiviti pengajaran yang lebih efektif dan berkesan terutamanya dalam bidang fonetik bahasa Melayu.

Kata kunci: bahasa Melayu; masalah fonologi; pelajar China; pelajar universiti; sebutan

Abstract: Issues related to phonological problems among foreign students are increasingly discussed among scholars, especially given the rising demand for learning Malay as a foreign language. In China, 17 higher education institutions now offer the Malay language. This article aims to explore the problems faced by China's students in acquiring Malay language phonology during Malay language classes. The study uses a qualitative method, collecting data in the form of students' oral presentations in year 1, describing their speech. The results show that the factors contributing to the challenges faced by China's students in mastering Malay language phonology are the differences in phonological systems between Chinese and Malay. The phonological problems that often arise among Chinese students are the pronunciation of the letter *r*, the nasal sounds *ny* and *ng*, and the differences in pronunciation of the consonants *b*, *p*, *k*, *g*, *t*, and *d*. Early exposure to the phonetic system of Malay and the use of minimal pairs and conducting comparative methods can enhance the level of phonological acquisition in Malay language. The results of this study can provide an overview of

the phonological problems that often arise in the teaching and learning process, especially when it comes to speech. The findings and suggestions discussed in this study are expected to help educators understand the problems faced and plan more effective and efficient teaching activities especially in the field of Malay phonetics.

Keywords: Malay language; phonology problems; China's student; university student; pronunciation

Pengenalan

Kajian berkenaan kemahiran bertutur dan gangguan fonologi dalam kalangan pelajar asing dan penutur bukan natif telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa dari seluruh negara. Antaranya termasuklah kajian Awang (2011), Siti Saniah (2013), Lim & Lim (2017), Faredah (2018), Mazlina et al. (2019), Jasah Jumayza et al. (2020) dan Nor Zulaiqha et al. (2021). Kajian-kajian lepas ini menggambarkan kajian kemahiran bertutur termasuk kajian fonologi bahasa Melayu berkaitan sebutan dalam kalangan penutur asing dan penutur bukan natif wajar diketengahkan dengan menggunakan pelbagai jenis pendekatan sama ada dalam bidang pendidikan, bidang bahasa, mahupun dalam bidang linguistik. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar asing dan penutur bukan natif sering menghadapi pelbagai cabaran dalam penguasaan bahasa, khususnya dalam aspek fonologi yang mempengaruhi kemampuan pertuturan mereka. Ketidakselarasan antara sistem bunyi bahasa Melayu dan bahasa ibunda pelajar mencetuskan masalah pertuturan dan pemahaman, yang bukan sahaja menghalang proses pembelajaran malah menimbulkan rasa tidak yakin kepada pelajar. Oleh itu, kajian mengenai gangguan fonologi ini bukan sahaja penting untuk meningkatkan metode pengajaran, malah dapat memperkukuh kemahiran linguistik pelajar terutamanya bagi pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu.

Bahasa Melayu sebagai bahasa asing telah mempunyai sejarah yang lama di negara China. Permintaan yang semakin tinggi terhadap kursus bahasa Melayu di negara China dilihat sebagai suatu perkembangan yang amat memberangsangkan. Keperluan modal insan yang mahir berbahasa asing telah menarik banyak universiti di China menawarkan kursus dan program-program bahasa asing. Kursus dan program bahasa Melayu ini diperlukan sebagai jambatan perkembangan hubungan kedua-dua negara, iaitu antara Malaysia dan China. Hal ini kerana negara China sedang giat mengembangkan perniagaan di dalam negara mahupun ke luar negara dan sedang meneroka pasaran di luar termasuklah di negara Malaysia, Singapura, dan Indonesia. Inisiatif "Satu Jalur Satu Laluan" yang giat dijalankan oleh negara China ini bertujuan untuk memperluas hubungan dengan negara-negara asing di samping memajukan lagi sektor ekonomi di rantau Asia dan Eropah (Li & Zaiton, 2019). Oleh itu, banyak universiti di China yang telah menawarkan jurusan bahasa asing bagi melahirkan graduan yang berkemahiran dan berkebolehan berbahasa asing bagi memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat dan negara.

Dengan perkembangan bahasa Melayu yang memberangsangkan di negara China pada hari ini, kajian tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di negara China amat diperlukan. Dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, terdapat empat kemahiran yang dititikberatkan, iaitu kemahiran menulis, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran mendengar. Kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu kerana ianya akan menunjukkan tahap kecekapan pelajar terhadap sesuatu bahasa itu. Kemahiran bertutur ini melibatkan pelbagai aspek termasuklah daripada segi sebutan, intonasi, tekanan, jeda, mora, dan sebagainya.

Bahasa merupakan alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh manusia. Antara elemen penting dalam ujaran manusia ialah alat-alat artikulasi termasuklah lidah, bibir, gigi, lelangit lembut, dan lelangit keras. Kemahiran bertutur dilihat mempunyai hubungan dengan operasi mental kerana kemahiran ini merupakan tafsiran pertuturan seseorang individu (Asmah, 1986). Dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing, kemahiran bertutur merupakan satu daripada empat kemahiran yang berkaitan dalam pembelajaran bahasa. Kemahiran bertutur merupakan bahagian penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

Menurut Faredah (2018), bertutur merupakan kemahiran bahasa pertama yang diajarkan kepada penutur asing sebelum kemahiran bahasa yang lain seperti membaca dan menulis.

Bertutur merupakan satu cara berkomunikasi yang kompleks dan melibatkan proses mental dengan menggerakkan alat pertuturan untuk mengeluarkan bunyi bahasa yang bermakna. Menurut Chaney (1998, p.13) bertutur ialah *the process of building and sharing meaning through the use of verbal and non-verbal symbols, in a variety of contexts*. Fulcher (2003, p. 23) pula mengatakan *speaking is the verbal use of language to communicate with other*. Bertutur merupakan kemahiran berinteraksi dalam suasana berbahasa dan berlaku pada peringkat produksi. Oleh yang demikian, bertutur adalah kebolehan seseorang untuk menyatakan sesuatu mesej dengan menyalurkan idea ke dalam kemahiran bertutur untuk menyampaikan mesej tersebut kepada orang lain. Kemahiran bertutur berlaku pada peringkat produktiviti, iaitu berlaku setelah penutur dapat mendengar dan memahami dengan baik apa yang didengarnya dengan memberi respon melalui penyampaian mesej dalam bentuk pertuturan.

Dalam kemahiran bertutur, sebutan merupakan satu elemen yang penting dalam mempelajari sesuatu bahasa. Namun, pengajaran sebutan sering diabaikan dalam silibus pembelajaran bahasa asing. Seseorang pelajar itu mungkin boleh menguasai tatabahasa dengan baik, tetapi apabila menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang salah dan tidak tepat, perkataan tersebut mungkin tidak dapat difahami, sedangkan sebutan-mempengaruhi keseluruhan proses komunikasi. Zhang (2018) menyatakan kursus bahasa Melayu yang diajar oleh pensyarah China menunjukkan kelemahan yang ketara dalam sebutan dan intonasi. Jasah Jumayza et al. (2020) turut menyatakan tempoh pembelajaran yang sekejap juga merupakan faktor yang mempengaruhi masalah sebutan bahasa Melayu.

Fonologi merupakan cabang linguistik yang menghuraikan sistem dan pola bunyi bahasa yang ada dalam sesuatu bahasa. Kajian berkaitan fonologi ini berhubungan dengan cara bunyi bahasa berfungsi dalam bahasa, mencakupi fonem, struktur suku kata, tekanan, aksen, intonasi dan bunyi bahasa yang distingtif dalam bahasa (Indirawati, 2021). Apabila memperkatakan tentang bunyi pertuturan bahasa, ilmu fonetik tidak boleh diketepikan dan diabaikan. Fonetik ialah ilmu linguistik yang berkaitan dengan penyebutan kata dan lambang yang menunjukkan sebutannya. Apabila seseorang pelajar mempelajari sesuatu bahasa, mereka perlulah didedahkan dengan sistem fonetik bahasa Melayu terlebih dahulu.

Kini, terdapat 17 buah universiti dan kolej yang menawarkan program bahasa Melayu pada peringkat diploma, ijazah sarjana muda, dan sebahagiannya hingga ijazah sarjana termasuklah di Universiti Pengajian Asing Guangdong, Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Beijing, Universiti Komunikasi China, Universiti Minzu Yunan, Universiti Etnik-etnik Guangxi, Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Tianjin, Universiti Pengajian Antarabangsa Xian, Universiti Kejuruteraan Maklumat Kampus Luoyang, Kolej Perguruan Minjiang, dan Kolej Pengajian Bahasa-bahasa Asing Hainan, dan Kolej Vokasional Perniagaan Guangxi. Selain itu, terdapat juga beberapa buah institusi pendidikan tinggi yang menawarkan bahasa Melayu sebagai kursus elektif. Sambutan terhadap kursus bahasa Melayu di negara China amat memberangsangkan kerana setiap tahun jumlah pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu semakin meningkat. Perkembangan bahasa Melayu di China kini memerlukan strategi, metode, prinsip, dan kurikulum yang efektif bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Secara khusus, kajian ini akan membincangkan dua objektif utama, iaitu;

- i. mengenal pasti masalah fonologi yang dihadapi pelajar tahun 1 dalam kuliah Bahasa Melayu
- ii. menghuraikan kaedah dan strategi dalam mempelajari fonologi bahasa Melayu

Hipotesis kajian ini ialah tidak semua ciri fonetik bahasa Melayu mampu diaplikasikan dengan mudah oleh pelajar China ketika berbahasa Melayu. Terdapat beberapa jenis halangan dan masalah dalam pertuturan pelajar China, oleh itu pengkaji berpendapat bahawa kejayaan menerapkan unsur-unsur bahasa Melayu dalam kemahiran bertutur bergantung sepenuhnya pada pengetahuan fonetik dan pola bunyi bahasa Melayu oleh pelajar China. Masalah yang ketara dan sering berlaku dalam kalangan pelajar China ialah bunyi konsonan /t/, /p/, /t/, /k/, dan konsonan nasal /n/, /ŋ/ dan /ŋ/. Seterusnya, masalah pertuturan yang wujud dalam kalangan pelajar asing, iaitu pelajar China dalam kajian ini bukan sahaja disebabkan gangguan bahasa ibunda semata-mata malah wujud juga faktor lain.

Sorotan Literatur

Nor Zulaiqha et al. (2021) telah meninjau masalah pertuturan dalam kalangan pelajar Cina di Malaysia dengan mengaplikasikan Teori Analisis Kontrasif. Masalah pertuturan dan sebutan masih berlaku dalam kalangan responden yang dikaji, iaitu 27 orang pelajar Cina tingkatan 1 dari sebuah sekolah di Selangor. Kajian tersebut mendapati terdapat empat kesilapan sebutan terhadap bunyi konsonan yang dilakukan responden, iaitu kesilapan penggantian bunyi, misalnya fonem /p/ digantikan dengan fonem /b/, penambahan bunyi, misalnya penambahan fonem /g/, pengguguran bunyi, contohnya perkataan *malah* disebut *mala*, dan kesilapan gramatikal, contohnya *purata* disebut *putara*. Kajian tersebut membuktikan bahawa kesilapan yang dilakukan penutur bukan natif tidak hanya dipengaruhi oleh sebutan bahasa ibunda semata-mata, namun turut dipengaruhi oleh kelemahan dalam penguasaan sistem linguistik bahasa kedua mereka.

Seterusnya, Nora'azian & Fadzilah (2018) yang melihat tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif menunjukkan sebanyak 55.7 peratus responden masih tidak fasih dalam berbahasa Melayu. Keadaan ini menggambarkan kemahiran bertutur responden, iaitu 414 murid dari lima buah sekolah SJKC dan SJKT masih berada pada tahap yang sederhana. Pengaruh dialek dilihat amat ketara berlaku dalam pertuturan murid Cina. Kajian tersebut menunjukkan murid Cina sukar untuk menyebut fonem /r/ dan /b/ dengan tepat disebabkan pengaruh bahasa ibunda. Tambahan pula, murid Cina juga dikatakan sering melakukan penggantian fonem contohnya, fonem /r/ kepada /l/ dan /d/ kepada /t/. Murid India pula menghadapi kesukaran untuk menyebut bunyi [h] yang kemudian berubah menjadi [ʔ], misalnya [hangus] menjadi [ʔangus]. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa pengguna bukan natif yang bertutur bahasa Melayu masih berada tahap yang sederhana dan lemah.

Siti Muslihah et al. (2018) pula telah membincangkan kekangan aspek fonetik, iaitu kesukaran dan kesalahan membunyikan bunyi vokal dan konsonan abjad Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa yang belajar di Universiti Putra Malaysia. Dapatan kajian tersebut menunjukkan beberapa halangan misalnya pengguguran fonem /s/ dalam perkataan *rimas* menjadi *rima*, cara sebutan e pepet dan e taling yang selalu menimbulkan masalah kekeliruan, dan penggantian fonem contohnya *kucing* menjadi *kusing*. Pengaruh bunyi bahasa pertama dan kedua dikatakan memainkan peranan yang besar dalam pembelajaran bahasa ketiga. Titik artikulasi dan cara artikulasi memainkan peranan penting dalam penghasilan sebutan yang betul. Selain itu, faktor kekerapan pelajar yang terdedah kepada bahasa dan faktor motivasi yang tinggi dikatakan memainkan peranan terpenting dalam proses pembelajaran bahasa asing.

Seterusnya Lim & Lim (2017) turut mengkaji sebutan bahasa Melayu oleh penutur Cina (ChinMalay) berdasarkan latar belakang persekolahan. Satu ujian fonologi Melayu telah dilakukan terhadap 90 orang subjek kajian dengan merakam sebutan mereka dan kemudian melakukan transkripsi fonetik IPA bagi menjamin kejituan transkripsi fonetik dan pemarkahan ujian fonologi. Dapatan kajian mendapati subjek kajian lebih banyak melakukan kesalahan dari segi konsonan berbanding vokal. Seterusnya, kesalahan subjek kajian ini dipengaruhi oleh sistem bunyi bahasa pertama (Mandarin) dan bahasa lain yang dikuasai seperti bahasa Inggeris serta dialek Cina selatan seperti dialek Hokkien dan Kantonis. Namun begitu, dapatan kajian tersebut hanya dianalisis secara persepsi sahaja, iaitu berdasarkan auditori sahaja tanpa bukti eksperimental.

Kajian Mazlina et al. (2019) menunjukkan kemahiran bertutur pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Kajian tersebut dilakukan terhadap 23 orang responden yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Universiti Malaysia Terengganu dengan melakukan Ujian Bertutur. Hasil kajiannya menunjukkan 74 peratus responden masih kurang fasih dalam bertutur bahasa Melayu. Hal ini disebabkan alat artikulasi responden sudah terbiasa dan terlatih menyebut bunyi dalam bahasa ibunda dan bahasa Inggeris, iaitu bahasa asing pertama bagi kebanyakan responden. Tambahnya, gangguan bahasa yang dialami oleh pelajar itu sendiri menyebabkan kemahiran bertutur pelajar masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Kajian tersebut menunjukkan peratusan pelajar asing yang kurang fasih bertutur dalam bahasa Melayu amat membimbangkan, hal ini sekali gus memberi gambaran tentang kegagalan dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di peringkat universiti.

Seterusnya, dalam kajian Awang (2011), beliau menyatakan bahawa pelajar asing dari negara China sukar untuk menuturkan sesetengah bunyi yang ada dalam sistem bahasa Melayu contohnya bunyi getaran [r], perbezaan bunyi antara [b], [p], dan sebagainya. Oleh itu, kemahiran bertutur menjadi semakin sukar kerana

sulit untuk memahami perkataan yang dituturkan dan sikap mereka yang takut untuk membuat kesilapan. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati masalah sebutan menjadi kekangan untuk pelajar asing bertutur dalam bahasa Melayu. Pelajar China terpengaruh dengan bahasa ibunda masing-masing menyebabkan mereka mempunyai masalah untuk menyebut perkataan dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu dan bahasa Mandarin, iaitu bahasa kebangsaan negara China mempunyai perbezaan dari segi fonetik dan fonologinya. Hal ini telah menimbulkan kesukaran bagi pelajar China untuk mempelajari bahasa Melayu.

Di samping itu, Siti Saniah (2013) turut melakukan kajian tentang pertuturan, iaitu Kekangan Pelajar Asing dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh pelajar asing yang sedang belajar di IPTA dan IPTS tempatan untuk bertutur bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 11 faktor yang menjadi kekangan, iaitu sikap, perasaan malu, tiada motivasi, gangguan bahasa ibunda, faktor budaya, faktor umur, masalah sebutan, tenaga pengajar, masa, kekurangan latihan, dan situasi persekitaran. Kaedah yang digunakan ialah kaedah temu bual, iaitu menemu bual 10 orang pensyarah di IPTA dan IPTS yang mengajar pelajar asing dalam kursus bahasa Melayu. Berdasarkan kajian beliau, kemahiran bertutur merupakan satu elemen kemahiran berbahasa Melayu yang perlu ditekankan dalam pengajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing kerana pelajar masih lagi berhadapan dengan masalah dan lemah dalam kemahiran bertutur.

Secara umum, seperti yang diperhatikan daripada kajian-kajian terdahulu, kemahiran bertutur merupakan kemahiran yang sukar untuk dipelajari oleh pelajar asing jika pengetahuan linguistik mereka terhadap fonologi dan fonetik bahasa Melayu diabaikan. Oleh itu, kajian ini didorong oleh keperluan untuk membantu dalam meningkatkan kefahaman dan pandangan baharu berkaitan dengan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing terutamanya daripada aspek pertuturan dan fonologi. Di samping itu, bersandarkan pandangan di atas, pengkaji berpendapat bahawa wujud satu keperluan untuk meneliti sejauh manakah penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu oleh pelajar negara China sekali gus memerihalkan permasalahan pelajar asing dalam proses pembelajaran bahasa Melayu, terutamanya masalah dalam pemerolehan fonologi bahasa Melayu.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini dijalankan di Universiti Pengajian Asing Guangdong (GDUFS) yang terletak di provinsi Guangdong, China. Universiti ini merupakan universiti awam di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Negara China. Subjek kajian melibatkan pelajar tahun satu yang terdiri daripada 12 orang pelajar, iaitu tiga orang pelajar lelaki dan sembilan orang pelajar perempuan dari Jabatan Bahasa Melayu. Bersesuaian dengan kajian ini, iaitu kajian kes, hanya pelajar tahun pertama dipilih sebagai informan. Hal ini kerana mereka merupakan pelajar baharu yang akan mempelajari bahasa Melayu pada peringkat awal. Oleh itu, timbul beberapa kekangan dan cabaran dalam mempelajari bahasa asing yang baharu bagi mereka. Kekangan pertuturan dilihat sebagai fokus utama dalam kajian ini. Pemilihan subjek dalam kajian ini dilakukan berdasarkan beberapa kriteria yang berkaitan dengan objektif penyelidikan. Kriteria pemilihan termasuk latar belakang bahasa, tahap penguasaan bahasa Melayu, dan kesediaan untuk menyertai kajian dalam tempoh yang ditetapkan.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjalankan kerja lapangan untuk mendapatkan data, memilih informan dan membuat sesi rakaman bagi mendapatkan data-data mentah. Kajian ini dijalankan semasa kuliah Bahasa Melayu dijalankan sepanjang satu semester, iaitu bermula pada bulan Mac hingga bulan Julai 2023. Dalam kajian berkaitan fonetik dan fonologi, data yang dikutip di lapangan ini dapat mengimplicasikan kejadian sebenar yang berlaku semasa penutur pengujarkan kata-kata (Mardian, 2020). Kajian ini akan menghuraikan masalah fonologi yang dihadapi oleh pelajar China dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang merangkumi sistem vokal dan konsonan bahasa Melayu.

Seterusnya, pengkaji telah memastikan bahawa kesemua informan yang dipilih dalam kajian ini tidak mempunyai masalah pendengaran atau pertuturan. Hal ini bermaksud, informan yang dipilih dalam kajian ini merupakan informan yang sempurna alat artikulasinya. Dalam pertemuan awal, pengkaji telah memaklumkan tentang prosuder dan langkah dalam sesi rakaman dan langkah yang perlu informan lakukan dalam sesi rakaman tersebut. Sesi rakaman telah diadakan di dalam bilik yang terhindar daripada bunyi bising dan gangguan lain. Rakaman tersebut perlulah jelas ujarannya dan tidak mempunyai gangguan bunyi latar yang

bising. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memilih lokasi yang sesuai untuk membuat sesi rakaman agar tidak mempunyai gangguan dari luar yang akan menyebabkan data rakaman tidak boleh diterima pakai dalam proses seterusnya. Sesi rakaman ini dijalankan di bilik 559 pejabat Jabatan Bahasa Melayu, (GDUFS, China). Sesi rakaman ini dijalankan dalam bilik tertutup dengan dinding kedap bunyi (*sound absorbent walls*) bagi memastikan kualiti hasil dalam sesi rakaman ini memuaskan dan boleh digunakan dalam menganalisis data. Akhir sekali, kaedah transkripsi digunakan bagi mengubah bentuk data daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan agar mudah untuk memahami bunyi sebutan serta mengenal pasti masalah yang terdapat dalam sebutan bahasa Melayu pelajar asing di China. Seterusnya, data yang telah ditranskripsi dikelompokkan mengikut kesalahan penyebutan yang dilakukan seperti huruf konsonan letupan, sengauan dan konsonan lain yang banyak menimbulkan halangan kepada pelajar China.

Hasil Kajian

1. Masalah Fonologi Bahasa Melayu Pelajar China

Biasanya, pada peringkat awal, iaitu pada semester pertama dan semester kedua, pelajar diajar mengenal bunyi setiap huruf, suku kata, perkataan, rangkai kata, dan ayat mengikut sistem fonologi bahasa Melayu. Pelajar dilatih dan perlu membunyikan setiap perkataan bahasa Melayu dan menyebutnya dengan tepat dan jelas. Aspek sebutan bahasa Melayu mengandungi 26 abjad dan huruf yang tersusun. Huruf vokal, diftong, dan konsonan telah diperkenalkan pada peringkat awal pelajar mempelajari bahasa Melayu. Sebutan pada peringkat awal amat dititikberatkan dan memerlukan latihan yang berulang kali selama sebulan mahupun sehingga satu semester. Sebutan merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa kerana tanpa sebutan, seseorang tidak akan dapat bertutur dengan orang lain. Sebutan menjadi elemen penting bagi pelajar menunjukkan proses pembelajaran dan seterusnya menunjukkan kefasihan dalam berbahasa Melayu. Jadual 1 menunjukkan Konsonan Bahasa Melayu yang diperkenalkan dalam kuliah lisan bahasa Melayu.

Jadual 1. Konsonan bahasa Melayu

Cara sebutan/ Daerah sebutan	1 Dua bibir		2 Bibir Gigi		3 Gigi		4 Gusi		5 Lepas Gusi		6 Lelangit Keras-Gusi		7 Lelangit Keras		8 Lelangit Lembut		9 Glotal		
	TS	BS	TS	BS	TS	TB	TS	TB	TS	TB	TS	TB	TS	TB	TS	TB	TS	TB	
Plosif	p	b					t	d							k	g			ʔ
Nasal		m						n				ɲ				ŋ			
Afrikat												ç	j						
Frikatif			f	v	θ	ð	s	z				ʃ			x	ɣ			h
Tril										r									
Lateral								l											
Semi-vokal		w																	j

Sumber: Indirawati (2021)

Berdasarkan jadual 1 di atas, antara gangguan sebutan dalam konsonan yang ditemui dalam kajian lapangan adalah dalam cara sebutan bagi sebutan plosif antara bunyi [b] dan [p], [t] dan [d], [k] dan [g], nasal bagi bunyi [n], [ɲ], [ŋ], afrikat [ç] dan [j]. Gangguan ini kerap berlaku dalam kalangan pelajar tahun pertama yang baru mempelajari bahasa Melayu. Sebagai kumpulan pelajar dewasa yang mempelajari sesuatu bahasa baharu, pelajar sering berhadapan dengan kesukaran dalam melafazkan bunyi-bunyi baharu. Pelajar sering

kali belajar dengan cara membentuk konsep dan pertuturan bahasa yang sudah sedia ada pada mereka, iaitu bahasa Mandarin dan dialek masing-masing misalnya dialek Hokkien, Kantonis, dan Chaosan.

Semasa kajian lapangan dijalankan, masalah yang kerap timbul dalam kalangan pelajar pada peringkat awal juga ialah sebutan huruf [r], (tril). Jika diteliti, kebanyakan pelajar pada peringkat awal sukar untuk membunyikan huruf [r], (tril) kerana dalam bahasa asal mereka, iaitu Mandarin atau dialek China yang lain, sebutan huruf [r], itu tidak wujud dalam fonologi Mandarin dan dialek China Selatan (Hokkien dan Kantonis) (So, 2006). Sistem fonologi Mandarin dan dialek China ini jelas mempengaruhi penghasilan bunyi konsonan huruf [r] dalam bahasa Melayu. Walaupun sebutan huruf [r] tidak wujud sistem fonologi mereka, namun masih ramai yang boleh menyebut huruf ini dan sudah menguasainya setelah mereka mempelajari bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah. Sebahagian pelajar mampu menyebut huruf tersebut berulang kali, namun, terdapat juga segelintir pelajar yang sehingga tamat pengajian tidak dapat menyebut huruf [r] tersebut. Pelajar cenderung membunyikan huruf [r], seakan-akan huruf [l], contohnya *orang* akan disebut *olang*, *raya* akan disebut *laya*, dan *roti* disebut *loti*.

Selain itu, terdapat juga masalah dalam perbezaan bunyi antara konsonan tidak bersuara dan konsonan bersuara contohnya bagi bunyi [p], dan [b], [t] dan [d], dan [k] dan [g]. Jadual 2 menunjukkan Masalah dalam Perbezaan Konsonan Bersuara dan Tidak Bersuara yang ditemui dalam kajian lapangan ini.

Jadual 2. Masalah dalam perbezaan konsonan bersuara dan tidak bersuara

Bunyi [p] – plosif dua bibir tak bersuara. Contohnya : papan
Bunyi [b] – plosif dua bibir bersuara. Contohnya : bab
Bunyi [t] – plosif gusi tak bersuara. Contohnya : tatap
Bunyi [d] – plosif gusi bersuara. Contohnya : dadih
Bunyi [k] – plosif lelangit lembut tak bersuara . Contohnya : kakak
Bunyi [g] – plosif lelangit lembut bersuara. Contohnya : gigi
Bunyi [c] – afrikat lelangit keras-gusi tak bersuara. Contohnya : cucu
Bunyi [j] – afrikat lelangit keras-gusi bersuara. Contohnya : jajah

Berdasarkan huruf konsonan di atas, pelajar sering kali menghadapi masalah apabila menyebut perkataan yang mempunyai huruf-huruf tersebut. Contohnya, perkataan *petang* disebut *pedang*, *pakar* disebut *bakar*. Hal ini timbul kerana bagi pelajar China, konsonan bersuara dan tidak bersuara tidak mempunyai perbezaan. Jika penutur asli menutur perkataan *pandai* misalnya, mereka akan keliru sama ada perkataan sebenar yang disebut itu ialah *pandai* atau *pantai*. Sering berlaku kekeliruan bagi perkataan yang mempunyai konsonan tersebut bagi pelajar tahun pertama. Kesalahan seperti ini akan kerap berlaku jika perkataan yang dipelajari itu merupakan perkataan baharu. Semasa kuliah bahasa Melayu dijalankan, kebanyakan pelajar membuat kesalahan sebutan yang sama. Antara contoh kesalahan sebutan adalah seperti berikut:

b-p bagar sepatutnya pakar
d-t hitung sepatutnya hidung
g-k gari sepatutnya kari
c-j juju sepatutnya cucu

Di samping itu, bagi huruf *t, d, k, p, b, j* dan *h* yang wujud di belakang perkataan juga menimbulkan masalah kepada pelajar. Contohnya bagi perkataan *adab, abad, adat, lazat, wajib, tuah, cakap, asap, siap, dan katak*. Pada peringkat awal, pelajar kerap melakukan kesalahan apabila menyebut perkataan ini. Namun, masalah ini semakin berkurangan apabila pelajar sering berlatih dan jumlah perkataan yang telah dipelajari dan dikuasai oleh pelajar semakin bertambah dari semasa ke semasa. Tambahan pula, penggantian konsonan berlaku apabila pelajar mula menggantikan konsonan dengan konsonan yang lain terutama apabila alat artikulasi mereka mengalami kesukaran untuk menghasilkan sesuatu bunyi konsonan tersebut. Namun dalam kes ini, pelajar menggantikan konsonan tersebut akibat daripada pengaruh bahasa ibunda. Berikut menunjukkan beberapa contoh konsonan yang mengalami proses penggantian akibat pengaruh daripada bahasa ibunda ketika bertutur.

Jadual 3. Konsonan yang mengalami proses penggantian

Konsonan Asal	[r]	[d]	[b]	[g]
Konsonan yang digantikan	[l]	[t]	[p]	[k]
Contoh Perkataan yang betul	Orang	Pedang	Baik	Gaji
Contoh Perkataan yang dilafazkan	Olang	Petang	Paik	Kaji


Bagi bunyi sengauan bahasa Melayu pula, pelajar sukar untuk membezakan bunyi antara konsonan sengau gusi [ŋ], konsonan sengau lelangit keras-gusi [ŋ], dan konsonan sengau lelangit lembut [ɲ]. Kesemua bunyi konsonan sengau ini adalah bersuara. Contoh perkataan yang sukar disebut oleh pelajar ialah *sungai*, *ngomel*, *bangun*, *nyanyi*, *ngilu* dan sebagainya. Sebahagian pelajar didapati sukar membunyikan perkataan yang mempunyai bunyi [ŋ] dan [ɲ] terutamanya pada awal perkataan. Misalnya perkataan *nyata* dibunyikan [ngata], *sunyi* dibunyikan [sungi]. Hanya sebahagian pelajar dapat menyebut bunyi [ŋ] dan [ɲ] dengan tepat. Hal ini memerlukan latihan yang berulang kali dan banding beza terutamanya bagi perkataan yang mempunyai bunyi sengauan dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, fonem [e] dalam bahasa Melayu melambangkan dua fonem vokal, iaitu fonem e pepet dan fonem e taling. Huruf e taling dikenal sebagai huruf [ə] bertanda di atas, iaitu [ě] dalam ejaan lama atau ejaan Rumi Za'ba. Namun, tanda diakritik di atas e taling [ě] ini tidak lagi digunakan dalam ejaan rumi sekarang. Hal ini telah menyebabkan pelajar di China, iaitu bukan penutur asli bahasa Melayu kerap melakukan kesilapan apabila menyebut perkataan yang mempunyai huruf tersebut. Pelajar tidak dapat membezakan bunyi huruf vokal e ini sama ada e pepet ataupun e taling. Jadi, pada peringkat awal, pelajar akan dilatih dan dibenarkan menulis tanda e taling [ě] bagi memudahkan latihan sebutan mereka. Contoh latihan lafaz bagi e taling [ě] yang digunakan dalam kuliah ialah *eja*, *ekar*, *esak*, *bengkel*, *cetak*, *pendek*, *koleh*, *teh*, *tauge*, *dewan*, dan *boleh*.

Secara keseluruhannya, dalam kajian lapangan ini, pengkaji mendapati bahawa pelajar lebih banyak berhadapan dengan masalah dalam sebutan konsonan berbanding sebutan vokal. Hal ini demikian kerana penghasilan bunyi konsonan lebih banyak melibatkan sekatan artikulasi berbanding dengan sebutan vokal. Selain itu, masalah ini juga disebabkan tiada bunyi asal dalam bahasa ibunda mereka. Beberapa bunyi yang biasa dalam bahasa Melayu, seperti bunyi /r/, atau konsonan sengau tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka. Oleh kerana tiada padanan langsung, pelajar cenderung untuk menggantikan bunyi-bunyi ini dengan bunyi yang lebih mudah bagi mereka. Sebagai contoh, bunyi /r/ digantikan dengan /l/, oleh itu mereka menyebut *roti* sebagai *loti*. Oleh itu, pelajar mungkin memerlukan latihan artikulasi yang intensif untuk mengubah keadaan ini dan strategi sebutan berkesan bagi membantu mereka menyebut dengan lebih tepat setiap bunyi-bunyi tersebut.

1. Strategi Pembelajaran Sebutan

Kemahiran bertutur menjadi semakin sukar kerana sulit untuk memahami perkataan yang dituturkan dan sikap mereka yang takut untuk membuat kesilapan. Dalam kajian Sariyan (2011), beliau mendapati masalah sebutan menjadi kekangan untuk pelajar asing bertutur dalam bahasa Melayu. Pelajar terpengaruh dengan bahasa ibunda masing-masing menyebabkan mereka mempunyai masalah untuk menyebut perkataan dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu dan bahasa Mandarin mempunyai perbezaan dari segi fonetik dan fonologinya. Hal ini telah menimbulkan kesukaran bagi pelajar China untuk mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, beberapa strategi pengajaran boleh diaplikasikan bagi membantu pelajar menyebut perkataan yang biasanya mengelirukan dan sukar disebut. Antara strategi yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti dalam Rajah 1 berikut;



Rajah 1. 7 Strategi pembelajaran sebutan bahasa melayu

Pemahaman Tentang Masalah yang Mempengaruhi Sebutan Pelajar China bagi Meningkatkan Pengetahuan Fonetik Bahasa Melayu

Perbezaan fonetik antara bahasa Melayu dan bahasa ibunda pelajar perlu dikuasai dengan baik bagi membantu pelajar mengatasi kesulitan dalam menyebut bunyi-bunyi baharu dan asing bagi mereka. Misalnya, bagi menyedarkan pelajar tentang perbezaan bunyi /n/, /ŋ/ dan /ɲ/, pensyarah perlu menjelaskan terlebih dahulu bunyi-bunyi tersebut. Misalnya menerangkan cara membunyikan konsonan [ɲ], iaitu konsonan ini dihasilkan dengan menaikkan lidah ke langit keras supaya udara yang keluar dari paru-paru disekat sepenuhnya. Langit lembut kemudiannya diturunkan untuk membenarkan udara keluar melalui rongga hidung, manakala udara yang tersekat di belakang lidah dan langit keras dilepaskan dan pita suara digetarkan. Contoh bagi bunyi sengauan [ɲ] ialah *nyawa, nyamuk, dan nyaris*.

Pensyarah perlu menunjukkan dan memberi pemahaman kepada pelajar tentang cara membezakan kedua-dua bunyi huruf ini. Pelajar akan lebih memahami perbezaan tersebut dan kemudian mengikut sebutan yang ditunjukkan oleh pensyarah. Latihan berulang kali perlu dilakukan pada peringkat awal agar dapat mengukuhkan sebutan pelajar kelak. Misalnya fonem-fonem sengau boleh dibanding bezakan antara satu sama lain untuk melihat ciri fonemiknya. Contohnya dapat dilihat dalam Jadual 4 seperti berikut;

Jadual 4. Banding beza fonem sengau

Fonem	Awal	Tengah	Akhir
/m/ - /n/	/mana/ - /nana/	/samə/ - /sanə/	/makam/ - /makan/
/m/ - /ŋ/	/maji/ - /ŋaji/	/səmat/ - /səŋat/	/dalam/ - /dalan/
/n/ - /ŋ/	/nilu/ - /ŋilu/	/banun/ - /banun/	/pinang/ - /pinang/

Penggunaan Pasangan Minimal

Perbezaan bunyi juga perlu didedahkan kepada pelajar China dengan penggunaan pasangan minimal bagi fonem-fonem tertentu. Misalnya, bagi bunyi konsonan /k/ dan /g/, iaitu bunyi letupan langit lembut tak bersuara [k] dan letupan langit lembut bersuara [g]. Untuk menghasilkan bunyi /k/, belakang lidah dirapatkan ke langit lembut untuk menyekat arus udara. Di samping itu, langit lembut dan anak tekak

dirapatkan ke rongga tekak bagi menyekat arus udara ke rongga hidung. Untuk menghasilkan bunyi /g/ caranya sama seperti bunyi konsonan /k/ tetapi pita suara dirapatkan, arus udara yang keluar melalui rongga mulut menggetarkan pita suara. Di samping itu, pensyarah juga perlu memberi penerangan kepada pelajar bahawa setiap perkataan yang disebut mempunyai perbezaan bagi makna perkataan itu. Oleh itu, pelajar perlu menyebut dengan betul dan tepat kerana perubahan makna akan berlaku mengikut perubahan bunyi. Contoh penggunaan pasangan minimal dapat dilihat dalam Jadual 5.

Jadual 5. Penggunaan pasangan minimal

[b]	[p]	[d]	[t]	[g]	[k]	[c]	[j]
<i>baba</i>	<i>papa</i>	<i>dadu</i>	<i>tatu</i>	<i>gari</i>	<i>kari</i>	<i>caca</i>	<i>jaja</i>
<i>bucu</i>	<i>pucu</i>	<i>dari</i>	<i>tari</i>	<i>gugu</i>	<i>kuku</i>	<i>cucu</i>	<i>juju</i>
<i>beta</i>	<i>peta</i>	<i>dede</i>	<i>tete</i>	<i>getah</i>	<i>ketah</i>	<i>cece</i>	<i>jeje</i>
<i>buluh</i>	<i>puluh</i>	<i>didi</i>	<i>titi</i>	<i>gagi</i>	<i>kaki</i>	<i>cici</i>	<i>jiji</i>

Latihan Sebutan Melalui Nyanyian

Bagi pelajar yang baru mempelajari bahasa Melayu, pensyarah boleh memperkenalkan lagu yang menggunakan sistem fonik, misalnya lagu “Abu Ada Ayam” yang boleh dimuat turun dari laman Youtube *FBH Channel*. Selain itu, lagu-lagu rakyat juga boleh dijadikan latihan di dalam kuliah misalnya lagu “Oh Wau Bulan”, “Bangau oh Bangau” dan “Rasa Sayang”. Pelajar boleh ikut menyanyi bagi melatih kemahiran sebutan di samping memahami unsur budaya masyarakat Melayu. Pensyarah juga perlu menerangkan kepada pelajar tentang alat artikulasi yang memainkan peranan dalam menghasilkan bunyi-bunyi bahasa kepada pelajar. Alat artikulasi ialah alat yang digunakan bagi menghasilkan bunyi. Alat-alat ini termasuklah bibir atas dan bawah, lidah, gusi, batas gusi, lelangit keras, lelangit lembut, dan pita suara.

Teknik Memintal Lidah dalam Teks Pendek

Pemintal lidah merupakan satu kaedah latihan tubi yang boleh digunakan kepada pelajar yang bertujuan untuk melatih pelajar menyebut sesuatu bunyi itu dengan tepat dan jelas. Teknik pemintal lidah ini adalah satu kaedah yang berkesan dalam pembelajaran bahasa, termasuk dalam pembelajaran bahasa Melayu. Teknik ini penting terutamanya kepada mereka yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Teknik ini melibatkan pengucapan rangkaian kata atau frasa yang mempunyai bunyi yang hampir sama tetapi mempunyai perbezaan kecil. Latihan pemintal lidah ini dapat membantu pelajar membaiki sebutan dan intonasi mereka serta meningkatkan kefasihan berbahasa terutamanya pelajar asing. Secara praktikalnya, teknik ini digunakan untuk melatih alat artikulasi untuk bergerak dengan lebih cekap dan tepat, terutamanya ketika menghasilkan bunyi yang serupa atau berurutan. Selain itu, pemintal lidah dapat membantu pelajar asing mengatasi kesukaran dalam menyebut bunyi-bunyi tertentu yang mungkin tidak wujud dalam bahasa asal mereka, atau yang dianggap sukar. Sebagai contoh, pelajar China yang mempelajari bahasa Melayu mungkin menghadapi kesukaran dalam membezakan bunyi “b” dan “p” atau “t” dan “d”. Contoh fonem yang boleh dilakukan dalam teknik ini ialah fonem /r/, /p/, /t/, dan /s/. Keadaan ini bergantung kepada masalah gangguan fonologi bagi pelajar tersebut. Dengan menggunakan pemintal lidah, mereka akan terbiasa untuk mengartikulasikan bunyi-bunyi ini dengan lebih tepat.

Pelajar disarankan untuk melakukan latihan pemintal lidah secara konsisten, bergantung kepada tahap penguasaan bahasa mereka. Bagi pelajar peringkat permulaan, iaitu pada tahun pertama, latihan ini perlu dilakukan sekurang-kurangnya 10 hingga 15 minit dalam setiap sesi pembelajaran, dengan kekerapan 3 hingga 4 kali seminggu. Latihan secara kerap ini penting kerana dapat membantu pelajar membina kesedaran fonetik yang lebih mendalam dan meningkatkan kelancaran sebutan bahasa Melayu mereka. Lebih banyak pelajar berlatih, lebih cepat mereka dapat mengatasi kesilapan sebutan dan mencapai kefasihan mereka dalam bertutur. Selain itu, pemintal lidah juga dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam berkomunikasi kerana

mereka akan berasa lebih selesa dengan sebutan dan intonasi yang betul. Contoh ayat pemintal bagi abjad *r*, *p*, dan *t* yang boleh digunakan dalam kuliah adalah seperti Jadual 6 berikut;

Jadual 6. Ayat pemintal

Abjad r	<i>Orang ramai berlari-lari. Berlari-lari kejar lori. Lori langgar reban rumah Ramlah. Reban roboh. Reban rumah Ramlah rosak. Ramlah marah. Ramlah rampas lori merah. Rosnah tarik rambut Ramlah. Rambut Ramlah serabai. Suara Ramlah samar-samar.</i>
Abjad p	<i>Papa pulang ke kampung. Kampung Papa ada paya. Paya kampung Papa macam pantai. Papa pulang bawa Popo. Papa bawa Popo ke padang. Rumput padang panjang. Papa pulang ambil parang. Parang Papa panjang. Papa potong rumput pakai parang panjang.</i>
Abjad t	<i>Tipah tinggal Taman Tiram Teratai. Timah telefon Tipah. Tipah tipu Timah. Timah tampar Tipah. Tipah takut, terus turun tangga. Tangga patah. Tipah tergolek jatuh. Timah terlompat-lompat sambil tepuk tangan. Tangan Tipah patah akibat tipu Timah.</i>

Sumber: Dipetik daripada slaid Kit Maya-Mari Memintal (2019)

Teknik Tiru Suara/Sebutan Penutur Jati

Pelajar juga digalakkan mengikut rakaman audio atau video dari penutur asli bahasa Melayu dan cuba meniru pengucapan mereka dengan tepat dari segi sebutan dan intonasi. Sebutan dan intonasi penting dalam memberikan kesan kepada maksud sesuatu ayat dalam bahasa Melayu. Ketepatan sebutan dan intonasi yang betul dapat membantu pelajar menyampaikan mesej dengan jelas dan mudah. Bahan audio dan video ini boleh diambil dari petikan berita, lagu, dan drama pendek. Teknik tiru suara ini akan membantu pelajar meningkatkan kemampuan fonetik mereka dalam meniru cara sebutan yang tepat. Misalnya pelajar boleh mendengar dan meniru sebutan dalam kartun *Upin dan Ipin*, bacaan berita Bernama TV, dan video-video pendek dari TikTok. Teknik tiru suara ini boleh dimulakan dengan bahan yang mengandungi perkataan mudah dahulu dan kemudian baru boleh diteruskan dengan ayat-ayat yang lebih panjang. Pelajar disarankan untuk memilih bahan yang menggunakan bahasa formal untuk melatih kejelasan dan kefasihan dalam berbahasa.

Latihan Pengucapan Spontan

Pensyarah disarankan memperbanyak latihan pengucapan bahasa Melayu secara intensif dan secara spontan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Latihan ucapan ini perlulah dilakukan sebanyak mungkin kerana latihan pengucapan ini dapat membantu pelajar China mengatasi gangguan fonologi mereka sedikit demi sedikit. Latihan pengucapan ini juga dapat mengatasi perasaan takut pelajar kerana lama kelamaan pelajar akan terbiasa dengan ucapan berbahasa Melayu ini. Ucapan secara spontan ini boleh dimulakan dengan topik-topik yang mudah seperti “Universiti saya”, “Pengalaman bercuti di luar negara”, dan “Kehidupan harian saya”. Latihan ucapan spontan secara berkala dapat membantu memperbaiki kemampuan fonetik mereka di samping menambah keberanian mereka untuk bersuara dan berinteraksi dengan orang lain.

Memperkaya Kosa Kata

Pengetahuan kosa kata yang luas dapat membantu pelajar bagi mengatasi masalah sebutan pelajar. Dengan memperluas kosa kata, pelajar dapat menguasai sesuatu perkataan dan cara sebutan bahasa Melayu. Pelajar juga digalakkan merujuk kamus di laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka <https://prpm.dbp.gov.my> atau aplikasi Kamus Pro di telefon bimbit masing-masing. Pelajar boleh merujuk kamus bagi perkataan yang menimbulkan kekeliruan terutamanya bagi perkataan yang mengandungi fonem [e]. Kaedah ini mampu meningkatkan pengetahuan tentang sebutan bagi huruf e pepet dan e taling. Misalnya bagi perkataan *ekor*, *peka*, *peta*, *kereta* dan *enam*. Jika pelajar mempunyai pengetahuan kosa kata yang banyak dan rajin merujuk kamus, maka tidak mustahil kemahiran komunikasi pelajar akan bertambah baik.

Penilaian Latihan Sebutan dalam Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing

Latihan sebutan boleh dinilai melalui dua pendekatan utama, iaitu penilaian berterusan dan peperiksaan akhir, dengan kedua-duanya memainkan peranan penting dalam mengukur kemajuan pelajar. Dalam konteks penilaian berterusan, pensyarah dapat memantau sebutan pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti kelas seperti bacaan secara kuat, ucapan spontan dan perbincangan secara lisan. Setiap sesi ini memberi peluang kepada pensyarah untuk memberikan maklum balas secara langsung, membetulkan kesilapan sebutan, dan seterusnya menggalakkan pelajar untuk membaiki sebutan mereka secara konsisten. Penilaian ini boleh dijalankan secara formal melalui rekod penilaian prestasi atau secara tidak formal melalui pemerhatian harian. Rubrik penilaian yang formal boleh digunakan untuk menilai aspek sebutan seperti kejelasan bunyi, intonasi, kefasihan dan penggunaan nada yang betul. Skala penilaian boleh melibatkan kategori seperti "Cemerlang", "Baik", "Memuaskan", atau "Perlu Peningkatan". Rakaman audio atau video juga boleh digunakan untuk menilai prestasi pelajar secara lebih objektif. Manakala dalam peperiksaan akhir, penilaian ini boleh digunakan untuk mengukur tahap penguasaan sebutan dan kemahiran bertutur pelajar selepas tempoh pembelajaran sepanjang satu semester. Peperiksaan akhir ini boleh merangkumi bacaan teks, dialog berstruktur, atau pengucapan awam yang mampu menilai keupayaan pelajar untuk menggunakan bunyi-bunyi bahasa Melayu dengan tepat dalam pelbagai konteks. Kriteria pemarkahan termasuklah kefasihan, sebutan, intonasi dan nada. Peperiksaan akhir ini bukan sahaja menilai ketepatan sebutan, malah turut melihat kemahiran fonologi secara keseluruhan seperti kefasihan, kejelasan, dan keyakinan dalam berkomunikasi.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian masalah fonologi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di China dapat memberi implikasi yang besar dalam aspek pengajaran dan pembangunan bahan pembelajaran. Kajian ini membolehkan tenaga pengajar membentuk pendekatan pengajaran yang lebih bersasar dan dapat membangunkan bahan yang relevan dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran yang memberi perhatian kepada aspek fonologi akan membantu pelajar menguasai sebutan bahasa Melayu dengan lebih tepat. Dengan kemahiran sebutan yang lebih baik, pelajar akan lebih mudah untuk terlibat dalam interaksi lisan dan memperkukuh penguasaan mereka dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini dapat membantu tenaga pengajar memahami kesukaran pelajar dan menyusun strategi pengajaran bersasar dengan menekankan aspek fonetik, seperti penggunaan teknik pemintal lidah dan latihan sebutan yang berfokus pada bunyi-bunyi yang sukar seperti bunyi konsonan nasal *n*, *ng* dan *ny*, dan getaran *r*. Hasilnya, pelajar asing ini dapat menyebut dengan tepat dan meningkatkan kefasihan serta keyakinan dalam berbahasa Melayu. Justeru, dapatan kajian ini dapat digunakan dalam pengajaran di universiti di China dengan mengembangkan kurikulum yang lebih berfokus kepada aspek fonologi, termasuk latihan sebutan dan pemahaman bagi bunyi-bunyi yang mencabar. Dengan penggunaan strategi yang dibincangkan, pengajar dapat membantu pelajar mengenal pasti dan memperbaiki kesilapan sebutan. Strategi yang dibincangkan bukan sahaja dapat digunakan oleh pelajar China, malah dapat digunakan oleh penutur asing lain yang belajar bahasa Melayu. Pemahaman yang lebih baik tentang gangguan fonologi ini dapat memperkaya pengalaman pengajaran dan pembelajaran pelajar terutamanya sebagai pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu.

Kajian ini telah memaparkan gangguan pemerolehan fonologi yang sering dihadapi oleh pelajar China yang mempelajari bahasa Melayu. Gangguan ini dikaitkan dengan kesukaran memahami dan menggunakan bunyi bahasa dengan tepat. Justeru, penguasaan sebutan bahasa Melayu yang benar-benar mampan amatlah diperlukan dalam kalangan pelajar asing. Hal ini demikian kerana, kesilapan sebutan dalam pertuturan akan menyebabkan mesej yang disampaikan kepada pendengar disalah tafsirkan. Keadaan ini tidak boleh diabaikan memandangkan pelajar China yang mengambil jurusan bahasa Melayu di seluruh China kian hari kian meningkat. Gangguan fonologi ini seharusnya dapat diatasi dengan latihan dari peringkat awal dan berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi subjek lisan bahasa Melayu. Kesukaran memahami dan menggunakan bunyi bahasa Melayu dapat diatasi dengan pemahaman yang baik daripada tenaga pengajar dengan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang lebih sesuai, sistematik dan menyeronokkan. Pembelajaran bahasa Melayu yang dirancang dengan teliti dan menyeronokkan mampu melahirkan pelajar asing yang lebih

cemerlang terutamanya dalam kemahiran bertutur. Kajian lapangan ini dibuat secara ringkas tanpa analisis yang menyeluruh, adalah diharapkan kajian selanjutnya dapat menumpukan perhatian kepada analisis yang lebih mendalam dengan menggunakan kaedah fonetik eksperimental. Kajian lanjut yang mungkin boleh diteruskan ialah meneliti masalah fonologi dengan menggunakan kaedah makmal dan eksperimental dengan penggunaan aplikasi yang sesuai.

Penghargaan: Artikel ini telah dibiayai oleh Geran Inovasi Ph.D (GIP) [UMG006K-2022] di bawah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Konflik Kepentingan: Penulis mengaku tiada konflik kepentingan antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Asmah Omar. (1986). *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2011). Pendidikan Bahasa Melayu dalam pembentukan jati diri bangsa: Pengajaran seni bahasa untuk penghayatan bahasa kepada pelajar asing [Kertas kerja]. *Seminar Bahasa Melayu*.
- Chaney, A. L., & Burk, T. L. (1998). *Teaching Oral Communication in Grades K-8*. Allyn and Bacon.
- Chang P. K., Li, L. & Ang X. Y. (2023). Analisis Situasi Semasa Penggunaan Buku Audio Kanak-Kanak dan Kepuasan Ibu Bapa di Zhengzhou, China. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3). <http://dx.doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.17>
- Corder, S. (1975). Error Analysis, Interlanguage and Second Language Acquisition. *Language Teaching & Linguistics: Abstracts*, 8(4), 201-218. <https://doi.org/10.1017/S0261444800002822>
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics*. Blackwell.
- Ellis, R. (1997). *Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Faridah Mahadi. (2018). Gangguan Pemerolehan Fonologi Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Arab. Dlm. Nuraihan Mat Daud. *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Nazir, Norhiza Mohd Salleh, Amril Zaha Ramli Mohd Yunos & Abdul Jalil Toha @ Tohara. (2019). *Kit Maya-Mari Memintal*. [Powerpoint slides]. <http://cikguamrilbm.blogspot.com/p/kit-maya-mari-memintal.html>
- FBH Channel. (2010). *Lagu Abu Ada Ayam*, https://www.youtube.com/watch?v=-FPD_b_Zuik&t=63s.
- Fikri Ghafar & Sa'adiah Ma'alip. (2020). Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Yunnan Minzu di UKM dan USM. *Jurnal Melayu, Isu Khas Disember*, 548-564. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/44409/11412>
- Fulcher, G. (2003). *Testing Second Language Speaking* (1st ed.). Routledge.
- Fulcher, G. (2014). *Testing Second Language Speaking*. Routledge.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2012). *Fonetik dan Fonologi* (2nd ed.). Pts Akademia.
- Indirawati Zahid. (2021). *Fonetik dan Fonologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasah Jumayza Ahmad, Syafika Atika Othman & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2020). Kerumitan sebutan bunyi vokal dan diftong bahasa Melayu oleh pelajar Arab. *Jurnal Melayu*, 19(1), 20-34. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/1264>
- Li, W.J. & Zaiton Zakarya (2019). Pembangunan Kurikulum Bersepadu Pendidikan Bahasa Melayu Di Universiti Pengajian Asing Guangdong, China. [Kertas Kerja]. *Seminar Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Kedua, Universiti Putra Malaysia*.
- Lim, H. W. & Lim, S. H. (2017). Sebutan bahasa Melayu oleh penutur Cina (Chinmalay) berdasarkan latar belakang persekolahan. *Jurnal Bahasa*, 17(2), 334-358. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/1931/1422>
- Liu, Y. (2020). Relating lexical access and second language speaking performance. *Languages*, 5(2), 13. <https://doi.org/10.3390/languages5020013>
- Lyons, J. (1981). *Language and linguistics: An Introduction*. Cambridge Univ. Press.

- Mardiah Shah Omar. (2020). Fonetik Akustik: Tatacara Pengumpulan Data di Lapangan. Dalam Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid, *Kecendiakaan Melayu Melalui Bahasa Sastera dan Budaya* (pp. 171-192). Penerbit Universiti Malaya.
- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran komunikasi penutur asing: Aplikasi pendekatan telefon pintar dan internet. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 353-367. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3504-22>
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat & Yusfarina Mohd Yussof. (2017). Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. *Jurnal Linguistik*, 21(2). <https://plm.org.my/ejournal/index.php/jurnallinguistik/article/view/26/22>
- Mazlina Ahmad, Noor Rohana M., Rosmawati A.R., Rosdi Z., & Sharipah Nur M.S.A. (2019). Kemahiran Pertuturan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing: Pengalaman di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*.
- Moeller, A. K., & Catalano, T. (2015). Foreign Language Teaching and Learning. In J.D. Wright (ed.), *International Encyclopedia for Social and Behavioral Sciences* (2nd Edition). Pergamon Press.
- Mohamad Ikhmal Abdul Aziz, Marzni Mohamed Mokhtar, Md Mustakim Md Usman & Mohamad As Syafie Aziz (2022). Penguasaan Kemahiran Lisan Bakal Guru Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Masalah Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 103-114. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/18367>
- Noor Shahirah Mohamad Rodzi & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2018). Kajian Fonologi Kesalahan Bunyi dalam Bahasa Kanak-Kanak. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2). <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/26798/8241>
- Nora'azian Nahar & Fadzilah Abd. Rahman. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan*, 8(1), 74-83. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/...>
- Norfazila Ab. Hamid. (2019). Kajian fonetik varian Kelanang: Dialek Melayu Jugra Selangor. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 1-13. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1174>
- Nor Zulaiqha Rosli, Nur Farakhanna Mohd Rosli, Norfaizah Abdul Jobar, Norazimah Zakaria. (2021). Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu oleh Murid Cina: Teori Analisis Kontrastif Speaking Skills in Malay Language by Chinese Student: Contrastive Analysis Theory. *LSP International Journal*, 8(1), 35-55. <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.16906>
- Nurul Adibah Zulkiple, Janudin Sardi & Fauzi Azmi. (2023). Tahap Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Mahasiswa Tajaan Negeri Selangor di Markaz Bahasa Sheikh Zayed Kaherah Mesir. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 20 (1). <https://ejournal.ukm.my/ebangi/index>
- Richards, J. C., John Talbot Platt, Platt, H., & Candlin, C. N. (1992). *Longman dictionary of applied linguistics*. Longman.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar- pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 196-209. <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/864>
- Shahidi A.H., Nor Azwahanum Nor Shaid, Mohd Sharifudin Yusop, Marlyna Maros & Rahim Aman. (2018). Fenomena sosiobudaya orang asli Kanaq dalam penguasaan bahasa Melayu: Satu tinjauan awal. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(5), 146-156. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1142>
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 52-61. <http://www.ukm.my/jpbm/current.aspx>
- Siti Muslihah Isnain, Nur Aimie Nabila Fauzi & Siti Amhar Abu. (2018). *Kesukaran dan kesalahan sebutan bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Putra Malaysia*. Universiti Putra Malaysia.

- So, L. K. H. (2006). Cantonese phonological development: Normal and Disordered. In Zhu Hua & B. Dodd (Eds.), *Phonological development and disorders in children: A multilingual perspective*. Cleavdon: Multilingual Matters. <https://doi.org/10.21832/9781853598906-008>
- Su, Y.Y. & Xiao, H. (2022, Mei 26). Bahasa Melayu bantu perkukuh persahabatan China-Malaysia. *BHonline*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/05/959736/bahasa-melayu-bantu-perkukuh-persahabatan-china-malaysia>
- Trask, R. L. (1996). *A Dictionary of phonetics and phonology*. Routledge.
- Uchihara, T., & Clenton, J. (2020). Investigating the role of vocabulary size in second language speaking ability. *Language Teaching Research*, 24(4), 540-556. <https://doi.org/10.1177/1362168818799371>
- Wagner, M. A., Broersma, M., McQueen, J. M., Dhaene, S., & Lemhöfer, K. (2021). Phonetic convergence to non-native speech: Acoustic and perceptual evidence. *Journal of Phonetics*, 88, 101076. <http://dx.doi.org/10.1016/j.wocn.2021.101076>
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. PTS Publication Sdn.Bhd.
- Zaiton Zakarya, Salinah Ja'afar, Mardian Shah Omar & Li, W. (2024). Pembelajaran Interaktif Bahasa Melayu Era Covid-19 di Universiti Pengajian Asing Guangdong, China. *Jurnal Linguistik*, 28 (1), 1-14. <https://plm.org.my/wp-content/uploads/2024/05/1.-Pembelajaran-Interaktif-Bahasa-Melayu-Era-Covid-19-di-Universiti-Pengajian-Asing-Guangdong-China.pdf>
- Zhang, X. (2018, Oktober 24-25). Mempelajari dan Menggunakan Bahasa Melayu sebagai Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman di Beijing Foreign Studies University dan China Radio International [Kertas kerja]. *Persidangan Meja Bulat Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Pusat Penyelidikan Langkawi, Universiti Kebangsaan Malaysia.